

# **SUMBANGAN KEBAJIKAN KEPADA LU II (W) NUR ASHILA DAN KELUARGA**



[airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/3297-sumbangan-kebajikan-kepada-lu-ii-w-nur-ashila-dan-keluarga](http://airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/3297-sumbangan-kebajikan-kepada-lu-ii-w-nur-ashila-dan-keluarga)

KLANG, 6 Apr 18 - Pengarah Perundangan, Kol Zainurin Mohd Dom TUDM mewakili AKS Tadbir telah menyampaikan sumbangan dari Tabung Kebajikan TUDM kepada LU II (W) Nur Ashila binti Zamri dan keluarga yang ditimpa musibah kebakaran rumah pada 4 Apr lalu.

Sumbangan yang disampaikan adalah berbentuk wang tunai dan perkakasan elektrik. Lawatan ini turut disertai oleh pegawai-pegawai dan staf MTU-Cawangan Perundangan serta Cawangan Perkhidmatan.

Seluruh warga TUDM mendoakan semoga LU II (W) Nur Ashila dan keluarga tabah menghadapi ujian ini.

